

Kertas Bil. 57/2022



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-
PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI
SELANGOR BERHUBUNG PEMBANGUNAN SISTEM
SMART INISIATIF PEDULI RAKYAT (SSIPR)
DI NEGERI SELANGOR**

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	HALAMAN
1.0	Pendahuluan	1
2.0	Latar Belakang	1
3.0	Perbincangan Mengenai Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) Oleh Seksyen Sektoral, Unit Perancangan Ekonomi Negeri	2
4.0	Perbincangan Bersama Wakil Seksyen Sektoral, UPEN Mengenai Status Terkini Sistem SSIPR	3
5.0	Jadual Berkenaan Status Terkini Integrasi Data-Data Bagi Setiap Jenis Bantuan (IPR/ISP) Dan Agensi Pelaksana	4
6.0	Penemuan Jawatankuasa	6
7.0	Saranan Jawatankuasa	7
8.0	Perakuan	7
	Ahli-Ahli Jawatankuasa	8
	Urus setia	8
	Lampiran 1 (Wakil Agensi / Individu Yang Terlibat)	
	Lampiran 2 (Sepuluh (10) Program Yang Dapat Digunakan Untuk Mengukur Jumlah Keluarga / Individu Miskin Untuk Tujuan Pemantauan)	

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PEMBASMIAN KEMISKINAN BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR MENGENAI PEMBANGUNAN SISTEM SMART INISIATIF PEDULI RAKYAT (SSIPR) DI NEGERI SELANGOR

1.0 PENDAHULUAN

Penyata ini dibentangkan adalah bertujuan untuk mengkaji dan meneliti isu-isu berkaitan pembangunan Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) di Negeri Selangor. Selain itu, JPK-Pembasmian Kemiskinan berharap agar kerajaan negeri dapat memastikan objektif utama pembangunan SSIPR tercapai. Berikut adalah isu-isu yang ingin diketengahkan oleh Jawatankuasa untuk perhatian pihak Kerajaan Negeri:

- a) Pemetaan keluarga miskin di Negeri Selangor bagi memastikan semua golongan miskin menerima bantuan yang diperlukan.
- b) Status integrasi data-data berkenaan permohonan bantuan kerajaan negeri.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pada mesyuarat JPK-Pembasmian Kemiskinan Bil.15/2020 (9 Disember 2022), jawatankuasa mengambil maklum data penerima bantuan bagi 33 program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) akan diselaraskan dalam satu sistem yang sedang dibangunkan oleh vendor Smart Tech Tank Sdn. Bhd. (STTSB) dan diselaraskan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat SUK.

2.1.1 Sistem tersebut adalah Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) yang akan menjadi *One Stop Centre* Pemantauan dan Penyelarasan pendigitalan Bantuan B40 dan akan diintegrasikan dengan Sistem E-Kasih dan Geosmart dan melibatkan kerjasama di antara 10 agensi pelaksana program.

2.1.2 Jawatankuasa mengambil maklum akan pembentangan yang telah disampaikan pada mesyuarat jawatankuasa Bil.16/2020 (23 Disember 2020) oleh wakil vendor yang membangunkan sistem tersebut.

2.2 JPK-Pembasmian Kemiskinan telah mengadakan mesyuarat sebanyak dua (2) kali iaitu pada 18 Ogos 2022 (Bil.11/2022) dan 15 September 2022 (Bil. 13/2022). Berikut adalah agensi/individu yang telah dijemput ke mesyuarat JPK-Pembasmian Kemiskinan (**LAMPIRAN 1**):-

2.1.1 Seksyen Sektor, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (Sektor, UPEN)

2.1.2 Bahagian Teknologi Maklumat (BTM)

3.0 PERBINCANGAN MENGENAI SISTEM SMART INISIATIF PEDULI RAKYAT (SSIPR) OLEH SEKSYEN SEKTORAL, UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI (UPEN)

- 3.1 Y.B. Tuan Pengerusi mendapati pihak UPEN tidak dapat memaparkan maklumat mengenai jumlah dan senarai keseluruhan penerima bantuan kerana berlaku pertindihan penerima bantuan tersebut melalui sistem yang dibangunkan oleh pihak vendor. Jawatankuasa berpandangan sistem tersebut perlu ditambah baik supaya data yang dikumpulkan bersifat inklusif dan mencapai objektif.
- 3.2 Jawatankuasa mengambil maklum SSIPR ditadbir oleh UPEN, Sektor dan Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) di mana mereka mempunyai akses terhadap data-data berkenaan program-program bantuan kerajaan negeri Selangor.
- 3.3 Pihak UPEN ada memaklumkan antara kekangan dalam usaha memasukkan data-data tersebut ke dalam sistem SSIPR adalah kerana perkara-perkara berikut:-
 - 3.3.1 Kekurangan kakitangan untuk memasukkan data bagi permohonan yang dibuat secara manual.
 - 3.3.2 Kekangan memasukkan maklumat dalam bentuk *Excel* ke dalam sistem SSIPR. Pihak UPEN dan BPM dipohon untuk mendapatkan maklumat berkenaan pewujudan kaedah yang lebih efisien bagi memasukkan data ke dalam sistem tersebut dari pihak vendor dan kos tambahan yang terlibat (sekiranya ada) dan memaklumkan maklum balas tersebut kepada Jawatankuasa.
 - 3.3.3 Kerjasama yang kurang memberangsangkan daripada agensi-agensi pelaksana untuk memasukkan data penerima bantuan ke dalam SSIPR.
 - 3.3.4 Dalam hal ini, UPEN akan mendapatkan maklumat berkenaan kekangan-kekangan oleh pihak agensi pelaksana untuk memasukkan data-data pemohon dan penerima di dalam SSIPR yang telah dibangunkan pada tahun 2020 (**rujuk 4.0**) serta memohon mereka untuk memastikan data-data tersebut dimasukkan di dalam sistem tersebut (**rujuk 5.0**).
- 3.4 Jawatankuasa telah membuat kesimpulan bahawa pembangunan SSIPR adalah untuk menyatukan semua data penerima bantuan kerajaan negeri melibatkan 33 program di bawah satu sistem.

- 3.5 Jawatankuasa mengambil maklum kos pembangunan sistem SSIPR tersebut adalah RM3.657 juta melibatkan aspek *hosting*, sistem dan integrasi. Manakala anggaran kos penyelenggaraan tahunan bagi *hosting* adalah RM200,000 lebih setahun. Anggaran kos penyelenggaraan keseluruhan adalah dalam RM700,000.

4.0 PERBINCANGAN BERSAMA WAKIL SEKSYEN SEKTORAL, UPEN MENGENAI STATUS TERKINI SISTEM SSIPR.

- 4.1 Jawatankuasa mengambil maklum perkara-perkara yang telah dibincangkan bersama Pn Aslynda mengenai pembangunan dan penggunaan sistem SSIPR dan berikut adalah perkara-perkara yang telah dibincangkan:-

4.1.1 Isu-isu berkaitan sistem SSIPR

- a. Masalah teknikal sistem dimana terdapat sistem di peringkat agensi yang telah dinaiktaraf dan mengalami isu integrasi.
- b. Pengemaskinian data bagi IPR yang tiada integrasi sistem
- c. Permohonan secara manual terutama bagi program-program yang melibatkan Pejabat Daerah dan Tanah (Penghulu) dan Pusat Khidmat Masyarakat (DUN).

4.1.2 Cadangan-cadangan penambahbaikan

- a. Penambahbaikan SSIPR secara inklusif selaras dengan penambahbaikan Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) kepada Iltizam Selangor Penyayang (ISP).
- b. Surat permohonan pengemaskinian data kepada agensi-agensi pelaksana secara berkala iaitu setiap tiga (3) bulan.
- c. Pemantauan berkala oleh penyelaras iaitu UPEN melalui sistem paparan susulan (*dashboard*)

- 4.2 Jawatankuasa mengambil maklum punca kuasa pelaksanaan sistem SSIPR adalah kurang jelas namun rancangan pembangunan SSIPR adalah bermula daripada tahun 2011 sebagai salah satu tindakan selaras dengan rancangan penjajaran IPR di negeri Selangor. Rancangan tersebut dibawa dan diluluskan oleh MMKN sebagai dokumen sokongan.
- 4.3 UPEN turut memaklumkan aspek pentadbiran SSIPR adalah dibawah seliaan pihak UPEN manakala aspek teknikal sistem adalah diselias dengan kerjasama pihak Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM).

- 4.4 Jawatankuasa mengambil maklum anggaran kos penyelenggaraan setahun bagi sistem SSIPR yang akan mula dibayar pada tahun 2023 (selepas tamat tempoh jaminan vendor) adalah RM700,000.
- 4.5 Jawatankuasa mendapati sistem paparan susulan (*dashboard*) SSIPR tidak mengeluarkan data jumlah keluarga/individu miskin di Negeri Selangor.
- 4.6 Jawatankuasa telah meneliti senarai sepuluh (10) agensi pelaksana dan program-program IPR dan mengenalpasti sepuluh (10) daripada tiga puluh tiga (33) (**Lampiran 2**) keseluruhan program yang dapat digunakan untuk mengukur jumlah keluarga/individu miskin untuk tujuan pemantauan.

5.0 JADUAL BERKENAAN STATUS TERKINI INTEGRASI DATA-DATA BAGI SETIAP JENIS BANTUAN (INISIATIF PEDULI RAKYAT (IPR) / ILTIZAM SELANGOR PENYAYANG (ISP)) DAN AGENSI PELAKSANA.

Bil Agensi	Agensi Pelaksana	Bil Prog -ram	Senarai program (IPR / ISP)	Status integrasi	Status Integrasi (memasukkan) Data ke SSIPR
1	YAWAS	1	Skim Kesihatan Wanita (MammoSel)	Database agensi	Tiada (SelCare urus fasa permohonan)
		2	Skim Bantuan Asuhan Anakku Pintar (Asuh Pintar)	Database agensi	Ada
		3	Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS)	Database agensi	Ada
		4	Skim Mesra Usia Emas (SMUE)	Database agensi	Ada
		5	Insentif Generasi Muda Selangor (Menggantikan Insentif Perkahwinan Belia)	Database agensi	Ada
		6	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	Database agensi (Permohonan ditutup)	Ada tapi tidak diteruskan
2	Seksyen Makro Dan Penswastaan, UPEN	7	Bas Smart Selangor	Database SSIPR	Tiada
		8	Skim Air Darul Ehsan (SADE)	Database SSIPR	Ada

		9	Wifi Smart Selangor	Database SSIPR	Tiada	
3	Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN	10	Pengecualian Cukai Pintu Untuk Rumah Kampung	Database SSIPR	Tiada	
		11	Pengecualian Fi Lesen Penjaja	Database SSIPR	Tiada	
		12	Bantuan Sihat Selangor	Database agensi	Sebahagian	
4	Seksyen Sektor, UPEN	13	Kasih Ibu Smart Selangor (KISS)	Database SSIPR	Data untuk KISS sahaja, BINGKAS tiada	
		14	Bantuan Bina Dan Baiki Rumah (Kerajaan Prihatin)	Database SSIPR	Sebahagian	
		15	Pemberian Bantuan Baucer Untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan (Jom Shopping)	Database SSIPR	Ada	
		16	Program Bantuan Yuran Pengajian IPTA/IPTS Bagi Komuniti India B40 (Menggantikan Program Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang)	Database SSIPR	Sebahagian	
		17	Dana Usahawan Mikro Selangor (DUMS)	Database SSIPR	Tiada	
		18	Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan	Database SSIPR	Tiada	
		19	Iltizam Selangor Sihat (Menggantikan Skim Insurans Peduli Rakyat)	Database agensi	Tiada	
5	LPHS	20	Skim Rumah Selangorku (RSKU)	Database agensi	Ada	
		21	Skim Smart Sewa	Database SSIPR	Tiada	
		22	Skim DanaSel	Tidak diteruskan		
		23	Skim Ceria (Baikpulih Pangsapuri Kos Rendah)	Database SSIPR	Tiada	
6	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor	24	Bantuan Kebajikan Masyarakat (Bantuan Am)	Database agensi	Ada	

7	BPSM	25	Skim Peduli Siswa	Database agensi	Ada
		26	Program Tuisyen Online	Tidak diteruskan	
		27	Program Tuisyen Rakyat Selangor	Database SSIPR	Tiada
		28	Program Bantuan Sekolah Negeri Selangor	Database SSIPR	Tiada
		29	Hadiah Pengajian IPT	Database agensi	Sebahagian
		30	Inisiatif Kemahiran Teknikal Dan Iktisas Smart Selangor (IKTISASS)	Database SSIPR	Tiada
8	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	31	Perpustakaan Bergerak Smart Selangor	Database agensi	Ada
9	HIJRAH Selangor	32	Skim Hijrah Selangor	Database agensi	Ada
10	SIDEC	33	Latihan Usahawan IT (SITEC)	Database SSIPR	Tiada

6.0 PENEMUAN JAWATANKUASA

- 6.1 Jawatankuasa mendapati Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) yang berperanan sebagai *One Stop Centre* Pemantauan dan Penyelarasan pendigitalan Bantuan B40 belum berfungsi seperti yang dirancang dimana terdapat sebahagian data bagi program-program IPR/ISP masih belum dimasukkan ke dalam sistem.
- 6.2 Jawatankuasa mendapati Sistem paparan susulan (dashboard) SSIPR sedia ada tidak memaparkan data-data penerima bantuan terutama maklumat tahap pendapatan bulanan dimana ianya penting untuk dijadikan rujukan oleh pemegang-pemegang taruh yang terlibat dalam proses penggubalan dasar-dasar berbentuk bantuan kepada rakyat yang kurang berkemampuan.

7.0 SARANAN JAWATANKUASA

- 7.1 Jawatankuasa menyarankan agar Kerajaan menambahbaik Sistem paparan susulan (dashboard) SSIPR dan memastikan fungsi-fungsi seperti berikut dapat dipenuhi:-
- i. Membuat pemantauan gerak kerja dalam menjaga, membantu, dan mengeluarkan rakyat miskin daripada Paras Garis Kemiskinan (PGK).
 - ii. Membuat perbandingan statistik rakyat miskin di negeri Selangor yang dikeluarkan oleh pihak DOSM.
 - iii. Memantau dan mengukur jumlah rakyat miskin yang dapat dikeluarkan dari PGK dan jumlah rakyat miskin baharu mengikut tahun.
- 7.2 Jawatankuasa menyarankan agar Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) memberi arahan kepada setiap agensi pelaksana program IPR/ISP agar memberi kerjasama penuh dalam memastikan semua program IPR/ISP boleh dimohon secara atas talian dan data-data permohonan/penerima diintegrasikan dalam SSIPR.

8.0 PERAKUAN

Jawatankuasa ini ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua wakil agensi/individu yang telah mengemukakan keterangan serta semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penyediaan penyata ini. Jawatankuasa berharap hubungan baik dapat dikekalkan di samping meningkatkan prestasi kecemerlangan dalam menjalankan fungsi dan peranan masing-masing.

Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JPK-Pembasmian Kemiskinan dalam mesyuarat Jawatankuasa Bil. 14/2022 bertarikh 27 September 2022.

Disahkan oleh:



.....
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas
Pembasmian Kemiskinan

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan):

- | | | |
|----|--|-----------|
| 1) | Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran
(ADN Bukit Gasing) | Pengerusi |
| 2) | Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin
(ADN Permatang) | Ahli |
| 3) | Y.B Tuan Chua Wei Kiat
(ADN Rawang) | Ahli |
| 4) | Y.B. Tuan Edry Faizal Bin Eddy Yusof
(ADN Dusun Tua) | Ahli |
| 5) | Y.B. Tuan Lai Wai Chong
(ADN Teratai) | Ahli |
| 6) | Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin
(ADN Sungai Panjang) | Ahli |
| 7) | Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman
(ADN Sabak) | Ahli |

URUS SETIA

- 1) Puan Gayathri Prasena a/p Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian (Dewan)
- 2) Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha (Dewan)
- 3) Encik Mohamad Izad Syafiq Bin Ahmad Mashudi
Pembantu Setiausaha Pejabat (Dewan)
- 4) Cik Siti Khadijah Binti Maarof
Penyelidik

SENARAI WAKIL AGENSI/INDIVIDU YANG TERLIBAT

Wakil dari Seksyen Sektor, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)

1. Puan Aslynda binti Mohd Dahlan Ketua Penolong Pengarah
2. YM Raja Ahmad Redzuan bin Raja Sahar Pembantu Tadbir Kanan
3. Cik Azza Nur Aida Binti Azmi Pembantu Tadbir (MyStep)

Wakil dari Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)

1. Puan Shazrina binti Roslan Penolong Setiausaha
2. Puan Tuan Zaharah binti Raja Soh Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan

SEPULUH (10) PROGRAM YANG DAPAT DIGUNAKAN UNTUK MENGUKUR JUMLAH KELUARGA/INDIVIDU MISKIN UNTUK TUJUAN PEMANTAUAN.

1. Skim Bantuan Asuhan Anakku Pintar (Asuh Pintar)
2. Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS)
3. Skim Air Darul Ehsan (SADE)
4. Bantuan Sihat Selangor
5. Kasih Ibu Smart Selangor (KISS)
6. Bantuan Bina Dan Baiki Rumah (Kerajaan Prihatin)
7. Program Bantuan Yuran Pengajian IPTA/IPTS Bagi Komuniti India B40
(Menggantikan Program Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang)
8. Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan
9. Iltizam Selangor Sihat (Menggantikan Skim Insurans Peduli Rakyat)
10. Bantuan Kebajikan Masyarakat (Bantuan Am)

The first part of the document discusses the importance of maintaining accurate records of all transactions. It emphasizes that every entry, no matter how small, should be recorded to ensure the integrity of the financial statements. This includes not only sales and purchases but also expenses and income. The document also highlights the need for regular reconciliation of bank statements and the company's records to identify any discrepancies early on.

In addition, the document provides a detailed overview of the accounting cycle, which consists of eight steps: identifying the accounting cycle, journalizing, posting, determining trial balances, adjusting entries, preparing financial statements, and closing the books. Each step is explained in detail, with examples provided to illustrate the process. The document also discusses the importance of maintaining proper documentation for all transactions, including invoices, receipts, and contracts.

The second part of the document focuses on the preparation of financial statements. It explains how to calculate net income, gross profit, and operating profit, and how to present these figures in a clear and concise manner. The document also discusses the importance of providing a clear and accurate explanation of the company's financial performance to management and investors. Finally, the document concludes with a summary of the key points discussed and a final note on the importance of maintaining accurate records and providing clear financial statements.